

14 NOV 1998

MAHATHIR-PEMULIHAN/I

DR M: AKTIVITI PERNIAGAAN MENINGKAT DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan aktiviti perniagaan telah meningkat di negara ini.

Ini adalah hasil sumbangan positif daripada pelbagai langkah ekonomi yang diambil oleh kerajaan termasuk kawalan pertukaran selektif yang dikuatkuasakan pada 2 Sept tahun ini.

Kawalan itu telah memberi sumbangan positif ke arah pemulihan ekonomi, katanya dalam satu wawancara dengan Bernama TV.

Perkara ini, katanya, boleh dilihat daripada peningkatan dalam Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (IK BSKL) lebih daripada 400 mata ketika ini daripada hanya 262 mata pada suatu ketika serta kedudukan rizab pertukaran asing negara yang semakin baik. IK BSKL ditutup pada 465.08 mata pada 13 Nov manakala rizab simpanan asing Malaysia meningkat kepada AS\$22.99 bilion pada 22 Okt, 1998 daripada AS\$20.2 bilion pada Ogos tahun ini.

Imbangan perdagangan semakin baik serta jualan kenderaan motor dan rumah juga meningkat, kata Dr Mahathir.

Dalam sembilan bulan pertama tahun ini, Malaysia mencatatkan lebih perdagangan sebanyak RM38.75 bilion berbanding dengan defisit RM1.5 bilion pada tempoh Januari-September 1997.

Apabila ditanya bagaimana rakyat Malaysia sepatutnya bertindak balas untuk mengambil kesempatan daripada pantulan itu, beliau berkata, "Mereka sepatutnya berpuas hati untuk meneruskan perniagaan mereka dengan cara biasa, berbelanja dengan cara biasa kerana kami telah mengurangkan kadar faedah.

"Terdapat banyak wang dalam bank di mana mereka boleh meminjam bagi perniagaan sah. Secara amnya, mereka sepatutnya menggunakan sepenuhnya kestabilan dalam kadar pertukaran."

Mengenai secepat manakah orang ramai dijangka akan dapat melihat semula pemulihan ekonomi Malaysia, beliau berkata ia pasti akan berlaku "jika kita terus berhemat dan melaksanakan tugas kita dengan baik."

Dr Mahathir berkata ekonomi Malaysia akan pulih tahun depan walaupun ia akan mengambil masa untuk mencapai tahap pertumbuhan sebelum ini iaitu pada 8.0 peratus.

Ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan negatif pada 4.8 peratus tahun ini manakala pertumbuhan tahun depan dijangka pada 1.0 peratus.

"Pertumbuhan bukan hanya bergantung kepada apa yang kita lakukan di negara ini. Jika rakan kongsi dagangan kita berdepan dengan masalah, mereka tidak akan dapat membeli daripada kita dan ia akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi."

Apabila ditanya mengenai gesaan Perdana Menteri Thai Chuan Lekpai terhadap Malaysia supaya melonggarkan kawalan matawang kerana ia menjejaskan perdagangan sempadan dan pelancongan dengan Malaysia, Dr Mahathir berkata beliau perlu mendapatkan lebih banyak butiran terperinci mengenai perkara itu sebelum membuat keputusan.

Mengenai gesaan oleh sesetengah pihak tertentu terhadap pengubahsuaian dan kelonggaran pentadbiran terhadap pengawalan matawang kerana ringgit kini telah stabil, terutama berkaitan untuk mengisi borang perisytiharan Kastam, beliau berkata pengisian borang bukanlah sesuatu yang sukar dibuat.

"Pengisian borang seumpama itu adalah satu proses biasa di seluruh

dunia. Cuma kita di Malaysia yang memberi sedikit kelonggaran sebelum ini. Saya telah bertemu dengan ramai pengembara dan bertanya kepada mereka sama ada ia sesuatu yang sukar dilakukan dan mereka menjawab 'tidak'."

-- BERNAMA

SHY SJ ZK OS